

19 NOV 1996

MT BARU UMNO ANGKAT SUMPAH 28 NOV

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Anggota-anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno yang baru akan mengangkat sumpah pada mesyuarat majlis itu 28 Nov (Khamis) ini.

Mesyuarat MT itu merupakan yang pertama diadakan selepas perhimpunan agung Umno awal bulan lepas.

Setiausaha Kerja Umno Datuk Yaakob Mohamed berkata mesyuarat itu akan diadakan pada pukul 8 malam di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Agenda utama mesyuarat ialah amanat Presiden dan upacara angkat sumpah anggota-anggota MT yang dipilih 10 Okt lepas, katanya kepada Bernama hari ini.

Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga dijangka membuat pengumuman mengenai jawatan-jawatan tertentu dalam MT.

Selain 25 jawatan anggota MT yang dipilih, Presiden diberi kuasa untuk melantik 10 lagi anggota majlis.

Antara isu yang dijangka mendapat perhatian MT ialah cadangan kerajaan campuran Umno-PAS di Kelantan. -- Bernama

MOK OBA